

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

SOALAN NO. 262

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan secara terperinci peratusan pemilikan ekuiti korporat Bumiputra dan lain-lain milikan terkini dan apakah perancangan Kerajaan untuk mempertingkatkan pemilikan korporat Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam konteks pemilikan ekuiti korporat Bumiputera, Kerajaan telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera di peringkat nasional. Tahap pencapaian pemilikan ekuiti Bumiputera berdasarkan nilai tara (*par value*) dari tahun 1980 sehingga 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	1980	1990	2000	2010	2011
Pemilikan ekuiti Bumiputera	12.5%	19.3%	18.9%	23.1%	23.4%

Sumber: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

2. Melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (KSP RMKe-11), Kerajaan telah memberi penekanan untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan Bumiputera dan institusi pelaburan Bumiputera, syarikat milik Kerajaan (SOE) serta agensi amanah Bumiputera dalam pelaburan strategik dengan pulangan

yang lebih tinggi ke arah mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera.

3. Di bawah strategi ini, institusi pelaburan Bumiputera seperti EKUINAS dan VentureTECH akan terus meneroka dan melabur dalam syarikat yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan berpotensi termasuk dalam sektor industri halal dengan kerjasama pihak berkepentingan yang berkaitan. Di samping itu, inisiatif untuk menggalakkan syarikat Bumiputera yang berpotensi untuk disenaraikan di Bursa Malaysia akan diteruskan.
4. SOE yang terdiri daripada syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat berkaitan pelaburan Kerajaan (GLiC) serta badan-badan berkanun Kerajaan yang lain akan terus melabur dalam syarikat yang berkembang pesat dan tersenarai di Bursa Malaysia bagi memperolehi kawalan yang berkesan dalam syarikat berkenaan. Selain itu, SOE yang terpilih akan mempergiat aktiviti *management buy-out* untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera.
5. Manakala, agensi amanah Bumiputera seperti PNB akan terus melabur dalam instrumen yang dapat memberi pulangan yang tinggi serta meningkatkan pelaburan dalam aset persendirian dan global untuk menjana pulangan yang mampan dan berdaya saing kepada pemegang saham, khususnya Bumiputera.

Sekian, terima kasih.